

03/10/2000

SMK Ahmad Maher juara kuiz sains

KUALA LUMPUR, Isnin - Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Ahmad Maher, Kelantan muncul juara Kuiz Sains Nasional 2000 peringkat akhir bagi merebut Piala Pusingan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Pasukan yang diwakili pelajar tingkatan lima, P Naaventhana, Nik Azmi Nik Ahmad Fathil dan Muhammad Azamin Anuar menewaskan tiga sekolah lain dalam pertandingan yang berlangsung di Auditorium Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan, di sini.

Tiga sekolah lain yang bertanding adalah Sekolah Menengah Alam Shah Selangor (SAS), Sekolah Menengah Raja Permaisuri Bainun, Perak dan SMK Tamparuli, Sabah yang menduduki tempat kedua, ketiga dan keempat.

Selain piala pusingan, wakil SMK Datuk Ahmad Maher itu turut memenangi hadiah lawatan sambil belajar bersama seseorang orang guru pengiring ke Sweden dan Denmark, cek bernilai RM2,000 kepada sekolah dan sijil penyertaan.

Peserta Terbaik pula dimenangi Muhammad Aizat Che A'zemi dari SAS yang berpeluang mengikuti lawatan sambil belajar ke Sweden dan Denmark.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Ng Kam Chiu.

Turut hadir, Duta Besar Sweden ke Malaysia, Harald Bertil Falth; Pengarah Urusan Novo Nordisk Bioindustrial (M) Sdn Bhd (Nova Nordisk Bioindustrial), Lars Asferg dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Datuk Dr Abdul Aziz SA Kadir.

Pertandingan Kuiz Sains Nasional adalah anjuran bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Akademi Sains Malaysia dan badan profesional sains lain.

Ketua Hakim pertandingan, Dr Abdul Ghani Ibrahim berkata, secara keseluruhan piawai pertandingan itu menepati kriteria yang dikehendaki serta membuktikan pembelajaran sains antara peserta luar bandar dan bandar tidak banyak berbeza.

(END)